



PELAN STRATEGIK

2025 - 2030

MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG



SENARAI KANDUNGAN

1.	Pendahuluan	
1.1	Perutusan Datuk Bandar	6
1.2	Ringkasan Eksekutif	8
1.3	Latar Belakang Klang	10
1.4	Carta Organisasi Majlis Bandaraya Diraja Klang	12
1.5	Fungsi-Fungsi Jabatan	13
1.6	Punca-Punca Kuasa	16
2.	Senario Persekitaran	
2.1	<i>Stake Holder</i> (Pihak Berkepentingan, Pelanggan dan Rakan Strategik	22
2.2	Isu-Isu dan Cabaran	26
3.	Hala Tuju Strategik	
3.1	Visi dan Misi Majlis Bandaraya Diraja Klang	30
3.2	Nilai-Nilai Murni	31
4.	Strategi dan Formulasi Tindakan	
4.1	Teras – Teras Strategi	34
4.2	Teras 1 Tatakelola Cepak dan Berintegriti	36
4.3	Teras 2 Perancangan Pembangunan Mampan	42
4.4	Teras 3 Penyelenggaraan Infrastruktur, Kebersihan dan Pengindahan Bandar	48
4.5	Teras 4 Kesejahteraan Sosial dan Ekonomi	54
4.6	Teras 5 Digitalisasi Perkhidmatan	68
5.	Elemen Penentu Kejayaan	
5.1	Mekanisme Pelaksanaan, Pemantauan dan Penilaian	76
5.2	Elemen-Elemen Penentu Kejayaan	77
6.	Pencapaian	
6.1	Pencapaian Tahun 2022 hingga 2024	80
7.	Penutup	
7.1	Rumusan	88





BAB 1

PENDAHULUAN

PERUTUSAN DATUK BANDAR

*Perutusan
Datuk Bandar*

**DATUK BANDAR,
MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG**



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Syukur Alhamdulillah, Pelan Strategik Majlis Bandaraya Diraja Klang 2025-2030 telah sedia untuk dilaksanakan. Pelan strategik ini adalah dokumen penting yang menentukan hala tuju, strategi dan pengurusan sumber Majlis secara optimum dan inklusif bagi tempoh lima (5) tahun yang akan datang.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) atas kerjasama dalam membangunkan Pelan Strategik Majlis Bandaraya Diraja Klang untuk tempoh 2025 hingga 2030.

Bagi mencapai misi dan visi MBDK yang telah dipersetujui, sebanyak lima (5) teras strategik, 21 strategi dan 110 program telah dirancang. Hal ini disokong dengan sasaran, tempoh pencapaian sasaran, indicator dan Jabatan/bahagian/unit yang dipertanggungjawabkan bagi memastikan pelaksanaannya secara komprehensif dan holistik.

Pelan Strategik ini bersifat luas dan praktikal, seiring dengan senario tadbir urus semasa di samping mengetengahkan pendekatan baharu dalam Pelan Strategik organisasi. Segala aspek pengurusan, pembangunan perancangan, penyediaan prasarana dan infrastruktur, kestabilan ekonomi dan kesejahteraan komuniti merupakan fokus-fokus utama yang diberi penekanan di dalam membangunkan Pelan Strategik ini bagi mewujudkan sebuah bandar raya yang kondusif untuk bekerja dan didiami oleh semua.

Seluruh warga Majlis Bandaraya Diraja Klang perlu menjadikan pelan strategik ini sebagai teras dan rujukan utama kepada semua perancangan aktiviti organisasi tahunan.

Saya begitu mengharapkan Pelan Strategik MBDK 2025-2030 ini berjaya dilaksanakan serta dapat memberi impak yang sangat positif dengan mengurangkan karenah birokrasi dan mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada rakyat.

Saya menyeru seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Diraja Klang agar kita sama-sama dapat menghayati setiap intipati yang terkandung dalam pelan ini. Kita juga perlu memberikan komitmen penuh dengan menzahirkan setiap teras dan strategi yang telah dirancang untuk memacu Klang ke arah yang lebih progresif dan berdaya saing.

Dato' Haji Abd. Hamid bin Hussain, D.S.I.S, A.I.S, P.P.T.,P.P.C.

Datuk Bandar,

Majlis Bandaraya Diraja Klang


RINGKASAN EKSEKUTIF

Penyediaan Pelan Strategik Majlis Bandaraya Diraja Klang 2025-2030 merupakan penambahbaikan kepada Pelan Strategik MPK 2022-2026. Sejarah telah terlakar pada 23 November 2023, apabila Majlis Perbandaran Klang telah dinaiktaraf sebagai Majlis Bandaraya Diraja Klang.

Naik taraf MBDK ini dilihat akan memperkasakan Klang sebagai sebuah bandaraya dan pelabuhan berdaya saing di peringkat global, peningkatan dalam menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan cemerlang, kemudahan infrastruktur dan utiliti awam yang terbaik serta berkeupayaan membentuk jenama dan imej bandaraya yang unik, mampan serta berimejkan bandar warisan dan sejarah.

Pelan strategik ini menggariskan hala tuju Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) yang jelas dalam melaksanakan peranan MBDK yang semakin mencabar untuk mencipta persekitaran yang lebih baik dengan mengutamakan pembangunan mampan, kualiti hidup serta meningkatkan kerjasama antara pihak MBDK dengan masyarakat.

Pelan Strategik ini bertujuan memperkukuhkan peranan dan fungsi MBDK melalui lima (5) teras strategi yang memberi fokus kepada tadbir urus yang baik, perancangan bandar yang mampan, pembangunan infrastruktur untuk komuniti yang sejahtera serta penyediaan masyarakat digital yang mampu untuk berdaya saing.



RINGKASAN EKSEKUTIF

Output yang telah dihasilkan dalam pelan ini adalah gabungan input dan maklum balas daripada semua jabatan, bahagian dan unit di Majlis Bandaraya Diraja Klang. Pelan Strategik ini menetapkan suatu anjakan peranan MBDK dalam meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan seiring dengan polisi dan dasar kerajaan pada masa kini.

MBDK juga berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang lebih komprehensif, inovatif dan inklusif bagi memenuhi aspirasi semua pemegang taruh dan pelanggan yang sentiasa mahukan pembaharuan. Peranan dan tanggungjawab MBDK telah diterjemah ke dalam satu bentuk perancangan yang strategik, berdaya laksana dan mampu memenuhi keperluan golongan sasaran yang ditetapkan melalui perancangan pelan strategik ini.



LATAR BELAKANG

Klang merupakan salah satu petempatan manusia terawal di Semenanjung Tanah Melayu. Penemuan pelbagai artifak Sejarah dari Zaman Batu (4,500 tahun) dan Zaman Logam (2,500 tahun) membuktikan bahawa Klang, selain petempatan, merupakan Pelabuhan Pembekal (feeder point) bagi elemen warisan semula jadi Lembah Klang iaitu timah kepada kawasan sekitarnya. Fungsinya ini dari sudut geografi bertepatan dengan kedudukannya di pertengahan Selat Melaka. Kewujudan Klang tercatat seawalnya pada abad ke-8 Masihi dalam rekod China serta pernah disebut dalam syair Majapahit dan prosa Sejarah Melayu.


Klang pernah menjadi wilayah di bawah pemerintahan Sriwijaya, Majapahit, Kesultanan Melayu Melaka, Kerajaan Johor Lama dan merupakan salah satu negeri yang membentuk Negeri Sembilan yang asal, sebelum berada dibawah pemerintahan Kesultanan Selangor mulai November 1766 sehinggalah hari ini. Disamping kepesatan Pembangunan sosio-ekonomi, status Bandar Diraja yang dimiliki telah memperkuatkan lagi elemen warisan sedia ada di Klang.

Selama ribuan tahun, Klang telah menelusuri pelbagai fasa kejayaan dan cabaran, perang saudara, zaman penjajahan, kemelesetan ekonomi, perang dunia, darurat, kemerdekaan sehinggalah pandemik.

Status Klang sebagai bandar raya Diraja dilihat akan menjadi pemangkin kepada pemajuan bandar yang inklusif dan mampu memenuhi keperluan asas untuk semua golongan Masyarakat. Penyediaan aktiviti guna tanah dengan pemerksaan elemen warisan dalam aspek Pembangunan dapat mengekalkan identiti dan imej bandar yang berterusan untuk generasi hadapan.



CARTA ORGANISASI MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG TAHUN 2024



PERANAN DAN FUNGSI JABATAN-JABATAN

JABATAN/ BAHAGIAN/ UNIT	FUNGSI
Jabatan Khidmat Pengurusan	Menguruskan hal ehwal pengurusan pentadbiran dan memberi perkhidmatan sokongan kepada Majlis selaras dengan peraturan dan dasar yang digunapakai oleh Majlis Bandaraya Diraja Klang
Jabatan Kewangan	Menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan kepada semua warga kerja, jabatan dalaman Majlis, pembayar cukai serta orang awam dengan cekap dan berkesan selaras dengan keperluan akta yang digunapakai dan peraturan kewangan yang ditetapkan.
Jabatan Kejuruteraan	Menyediakan perkhidmatan kejuruteraan meliputi penyelenggaraan dan pembaikan infrastruktur serta pelaksanaan projek pembangunan kepada penduduk di dalam kawasan Majlis ke arah menyediakan sistem infrastruktur dan kemudahan awam yang lebih teratur dan selesa
Jabatan Perancang Bandar	<ul style="list-style-type: none"> • Membentuk strategi pembangunan yang komprehensif untuk mencapai suasana perbandaran yang mampan dan seimbang • Menyediakan rangka pembangunan yang dapat berinteraksi secara harmonis dengan persekitarannya tanpa menimbulkan kacau ganggu atau kesan negatif jangka panjang
Jabatan Bangunan	Mengendali dan mengawal semua jenis pembinaan bangunan dari meluluskan pelan sehingga penyelarasan penerimaan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) atau pengeluaran Sijil Layak Menduduki dan penguatkuasaan terhadap bangunan dan sebarang jenis struktur seperti diperuntukkan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam Selangor 1986 (UUKBSS 1986)
Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta	<ul style="list-style-type: none"> • Menilai semua harta tanah di dalam kawasan pentadbiran Majlis untuk menambahkan sumber hasil utama Majlis daripada Cukai Taksiran dan Sumbangan Membantu Kadar (SMK) • Menyediakan cadangan Levi Caj Pemajuan ke atas pemaju/pemilik tanah yang memohon kebenaran merancang bagi pembangunan harta tanah • Mengurus aset tak alih Majlis (premis perniagaan, dewan dan kediaman) untuk memastikan premis dalam keadaan yang baik • Menambah hasil Majlis melalui penyewaan, pajakan dan lain-lain
Jabatan Undang-Undang	Memberi perkhidmatan dan nasihat perundangan di dalam menjaga kepentingan Majlis serta memastikan undang-undang yang digunapakai adalah dipatuhi oleh semua pihak berkepentingan
Jabatan Kemasyarakatan	Berperanan mewujudkan hubungan baik antara Majlis dengan masyarakat khususnya kepada warga Klang. Bertanggungjawab mengendalikan dan menyelaraskan acara-acara rasmi pada pelbagai peringkat sama ada daerah, negeri mahupun kebangsaan
Jabatan Penguatkuasa	Memperkasakan tadbir urus jabatan dan memantapkan keupayaan kakitangan jabatan dalam meningkatkan pelaksanaan tugas pengawalan dan penguatkuasaan selaras dengan ketetapan perundangan yang digunapakai oleh Majlis Bandaraya Diraja Klang

P E N D A H U L U A N

Jabatan Pelesenan	<ul style="list-style-type: none"> • Menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan pelesenan dan permit bagi tred, perniagaan dan industri di kawasan pentadbiran Majlis serta menjalankan aktiviti kawalan dan penguatkuasaan • Menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan urusan pasar-pasar awam dan penjaja-penjaja di sekitar Klang serta menjalankan aktiviti penguatkuasaan di bawah Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis Perbandaran Klang) 2007 dan Undang-Undang Kecil Pasar (Majlis Perbandaran Klang) 2007 di kawasan Majlis • Memastikan pengurusan operasi pasar-pasar awam dilaksanakan dengan baik serta menjalankan penguatkuasaan dari segi penyewaan, kebersihan, halangan dan penjaja tanpa lesen
Jabatan Perkhidmatan Persekitaran	Memberi perkhidmatan kawal selia pengurusan sisa pepejal, pembersihan kawasan, kemudahan awam dan penjagaan alam sekitar bagi penduduk di kawasan Majlis bagi meningkatkan kesejahteraan dan keselesaan penduduk
Jabatan Landskap & Rekreasi	<ul style="list-style-type: none"> • Mempergiatkan pelaksanaan kerja-kerja pengindahan landskap pusat bandar, laluan protokol dan kawasan yang strategik • Mengurangkan liabiliti Majlis dengan menyelenggara pokok-pokok utama dan penggantian pokok yang berisiko dan merbahaya • Memperbaiki dan menaiktaraf kemudahan padang permainan, alatan dan kemudahan rekreasi • Meneruskan program padang cergas
Jabatan Komunikasi Korporat	<ul style="list-style-type: none"> • Menerima, menyelaras dan menguruskan aduan-aduan awam serta menyediakan analisa dan laporan status tindakan aduan • Menjalinkan hubungan baik antara pihak Majlis dengan pelanggan, orang awam, agensi luar dan media • Menyediakan perkhidmatan pelanggan/ helpdesk bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan berada ditahap yang membanggakan • Merancang, membangunkan dan memantau pelaksanaan perancangan strategik Majlis, program-program kualiti dan inovasi, sejarah dan warisan
Jabatan Teknologi Maklumat	<ul style="list-style-type: none"> • Melaksanakan Perancangan Strategik ICT • Pengukuhan infrastruktur ICT, Pematuhan Keselamatan ICT, Perkakasan dan Perisian Pengoperasian ICT • Pembangunan dan Peningkatan Sistem-Sistem utama Majlis dan sedia ada di jabatan-jabatan
Jabatan Kesihatan	Untuk memastikan kesihatan dan kesejahteraan hidup warga Klang di tahap yang maksima seiringan dengan pembangunan infra, sosial, rohani dan ekonomi

P E N D A H U L U A N

Jabatan Pusat Setempat	<ul style="list-style-type: none"> • Menerima, mendaftar, mengedar dan memantau permohonan cadangan pemajuan pembangunan diproses mengikut tempoh piagam pelanggan yang ditetapkan. • Mengurusetiaikan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (JKOSC) dan membuat pemakluman keputusan dasar kepada pemohon.
Jabatan Pesuruhjaya Bangunan	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan JMC/ MC bagi semua bangunan berstrata dapat ditubuhkan di dalam kawasan pentadbiran MBDK • Memastikan JMB/ MC/ Ejen Pengurusan/ Pemaju menjalankan Penyelenggaraan & Pengurusan Bangunan Berstrata dengan teratur dan mengikut Akta (318 & 757) • Memastikan pemaju menubuhkan JMB/MC di kawasan pemajuan masing-masing • Memantau secara berkala setiap pengurusan dan penyelenggaraan JMB/ MC/ Ejen Pengurusan/ Pengurusan Harta bagi bangunan berstrata di dalam kawasan pentadbiran Majlis
Bahagian Audit Dalam	Bertindak sebagai satu fungsi bebas yang membantu Majlis dalam mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik untuk menilai dan menyemak keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus.
Bahagian Ukur Bahan	Menguruskan perolehan di Majlis Bandaraya Diraja Klang dengan berakauntabiliti, telus, terbuka, adil dan saksama dengan mengikut prosedur dan tatacara perolehan semasa serta mendapat nilai faedah yang terbaik (value for money).
Unit Integriti	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan Tadbir Urus dan Pengurusan Aduan dilaksanakan dengan efektif dan telus. • Memastikan Pelaksanaan Nilai-Nilai Integriti dalam organisasi dan Pematuhan terhadap Undang-Undang serta Peraturan yang berkuatkuasa. • Memastikan Prosedur Tatatertib dilaksanakan dengan telus selaras dengan Kaedah-Kaedah Pegawai Majlis Perbandaran Klang (Kelakuan dan Tatatertib) 2023.

PUNCA KUASA

Majlis Bandaraya Diraja Klang menjalankan tugas berlandaskan kepada peruntukan undang-undang seperti berikut:

AKTA

- Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171]
- Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133]
 - Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Pindaan) 2019 [A1588]
- Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172]
 - Akta Perancangan Bandar Dan Desa (Pindaan) 2017 [Akta A1522]
- Akta Makanan 1983 [Akta 281]
- Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333]
- Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 [Akta 154]
- Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318]
 - Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2013 [A1450]
 - Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2016 [A1290]
- Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757]
- Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1984 [Akta 198]
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]
- Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127]
 - Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2012 [Akta 1441]
- Akta Kontrak 1950 [Akta 136]
- Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 518]
 - Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2008 [Akta A1333]
 - Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2016 [Akta A1516]

ENAKMEN

- Enakmen Mengawal Lembu-Kerbau 1971
 - Enakmen Mengawal Lembu-Kerbau 1971 (Pindaan) 1978
- Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan (Selangor) 1995
 - Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan (Pindaan) 1998
 - Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan (Pindaan) 2001

- Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011
- Enakmen Tabung Amanah Bencana Alam 2011

UNDANG-UNDANG KECIL

- Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam Selangor 1986
- Undang-Undang Kecil Peruntukan Mengenai Lesen Bersesama (Majlis Perbandaran Klang) 1992
- Undang-Undang Kecil Kerja Di Jalan 1996
 - Undang-Undang Kecil Kerja di Jalan (Pindaan) 2014
- Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Majlis Perbandaran Klang) Kerajaan Tempatan 2005
 - Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Majlis Perbandaran Klang) (Pindaan) Kerajaan Tempatan 2013
- Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Majlis Perbandaran Klang) Jalan, Parit dan Bangunan 2005
 - Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Majlis Perbandaran Klang) (Pindaan) Jalan, Parit dan Bangunan 2007
 - Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Majlis Perbandaran Klang) (Pindaan) Jalan, Parit dan Bangunan 2013
- Undang-Undang Kecil Tanah Perkuburan Islam (MPK) 2005
 - Undang-Undang Kecil Tanah Perkuburan Islam (Majlis Perbandaran Klang) (Pindaan) 2007
- Undang-Undang Kecil Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (Majlis Perbandaran Klang) 2005
 - Undang-Undang Kecil Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (Majlis Perbandaran Klang) (Pindaan) 2007
- Undang-Undang Kecil Taman (Majlis Perbandaran Klang) 2005
 - Undang-Undang Kecil Taman (Majlis Perbandaran Klang) (Pindaan) 2007
- Undang-Undang Kecil Tandas Awam (MPK) 2005
 - Undang-Undang Kecil Tandas Awam (Majlis Perbandaran Klang) (Pindaan) 2007
- Undang-Undang Kecil Vandalisme (Majlis Perbandaran Klang) 2005
 - Undang-Undang Kecil Vandalisme (Majlis Perbandaran Klang) (Pindaan) 2007

- Undang-Undang Kecil Hotel (MPK) 2013
- Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing (Majlis Perbandaran Klang) 2007
- Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah- Sarap (Majlis Perbandaran Klang) 2007
- Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis Perbandaran Klang) 2007
- Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Perbandaran Klang) 2007
- Undang-Undang Kecil Iklan Pilihanraya (Majlis Perbandaran Klang) 2007
- Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Perbandaran Klang) 2007
- Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Majlis Perbandaran Klang) 2007
- Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (Majlis Perbandaran Klang) 2007
- Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisyment Makanan (Majlis Perbandaran Klang) 2007
- Undang-Undang Kecil Pusat Siber dan Kafe Siber (Majlis Perbandaran Klang) 2007
- Undang-Undang Kecil Pasar (Majlis Perbandaran Klang) 2007
- Undang-Undang Kecil Krematorium (Majlis Perbandaran Klang) 2007
- Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (Majlis Perbandaran Klang) 2013
- Undang-Undang Kecil Kolam Renang (Majlis Perbandaran Klang) 2013
- Undang-Undang Kecil Pusat Sukan Persendirian (Majlis Perbandaran Klang) 2013
- Undang-Undang Kecil Penternakan Burung Walit dan Perusahaan Sarang Burung Walit (MPK) 2013

PERINTAH

- Perintah Tetap Mesyuarat (Majlis Perbandaran Klang) 2007
 - Perintah Tetap (Mesyuarat) (Majlis Perbandaran Klang) (Pindaan) 2022
- Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Majlis Perbandaran Klang) 2007
 - Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Pindaan) (Majlis Perbandaran Klang) 2012
 - Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Pindaan) (Majlis Perbandaran Klang) 2014
 - Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Pindaan) (Majlis Perbandaran Klang) 2015
 - Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Pindaan) (Majlis Perbandaran Klang) 2018
 - Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Pindaan) (Majlis Perbandaran Klang) 2020

- Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Pindaan) (Majlis Perbandaran Klang) 2021
- Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Pindaan) (Majlis Perbandaran Klang) 2022

KAEDAH-KAEDAH

- Kaedah-Kaedah Pegawai Majlis Perbandaran Klang (Kelakuan dan Tata tertib) 2023
- Kaedah-Kaedah Lembaga Rayuan 1999
- Kaedah-Kaedah Perintah Pemeliharaan Pokok 2001
- Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan (Am) (Selangor) 2001
- Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan 2010

PERATURAN

- Peratoran2 Perlu (Pembersehan Setingan2)1969 / P. U. (A) 395
- Peraturan-Peraturan Makanan 1985 sehingga Januari 2018
- Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004
- Peraturan-Peraturan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan (Permainan Snuker dan Video)(Kawalan dan Penyeliaan)(Selangor)1996
- Peraturan-Peraturan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan (Selangor) 1996





BAB 2

SENARIO PERSEKITARAN

STAKEHOLDER (PIHAK BERKEPENTINGAN), PELANGGAN DAN RAKAN STRATEGIK

Dalam penyampaian perkhidmatan, terdapat pelbagai pihak berkepentingan yang memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan Majlis Bandaraya Diraja Klang. Pihak berkepentingan ini termasuk Kerajaan Persekutuan dan Negeri, pelanggan, rakan strategik. Setiap kumpulan mempunyai kepentingan yang berbeza, tetapi semuanya saling berkaitan dalam mencapai matlamat Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK).

Pihak berkepentingan merupakan individu, kumpulan atau organisasi yang mempunyai kepentingan dalam operasi, keputusan dan dasar yang dilaksanakan oleh MBDK. Mereka memberi kesan dan mempengaruhi fungsi MBDK dalam menyediakan perkhidmatan kepada masyarakat.

Pelanggan merupakan pihak yang paling penting dalam perkhidmatan MBDK. Mereka adalah sumber pendapatan utama dan penentu kejayaan produk atau perkhidmatan yang ditawarkan. Oleh itu, memahami keperluan dan kehendak pelanggan adalah kunci untuk membina hubungan yang baik. Selaku Pihak Berkuasa Tempatan, MBDK perlu sentiasa berinovasi dan memberikan nilai tambah kepada pelanggan agar dapat mengekalkan kepercayaan mereka.

Rakan strategik, juga memainkan peranan yang penting. Kerjasama dengan rakan strategik dapat memperluas jangkauan perkhidmatan, meningkatkan kualiti penyampaian, dan menurunkan kos-kos operasi. Melalui perkongsian yang efektif, kedua-dua pihak dapat mencapai keuntungan yang lebih besar daripada yang dapat dicapai secara individu.

Secara keseluruhan, kejayaan sesebuah perniagaan bergantung kepada kemampuan untuk mengimbangi keperluan pelanggan, menjalin hubungan yang kukuh dengan rakan strategik, dan menjaga kepentingan pihak berkepentingan lain. Dengan pendekatan yang holistik, perniagaan bukan sahaja dapat mencapai keuntungan tetapi juga dapat membina reputasi yang baik dalam jangka panjang.

Pihak – Pihak Berkepentingan

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor	- Ketua Negeri Selangor
Kerajaan Pusat dan Negeri	- Memberi arahan, dana, dan dasar untuk dilaksanakan oleh PBT di peringkat tempatan
Pihak Berkuasa Tempatan	- Pelaksanaan program pembangunan dan penyediaan perkhidmatan awam kepada komuniti setempat
Ahli Majlis dan Pegawai PBT	- Bertanggungjawab dalam membuat keputusan, menggubal dasar, dan memantau pelaksanaan program dan perkhidmatan PBT. Mereka juga terlibat dalam perancangan bandar, pembangunan kawasan, dan penyediaan perkhidmatan awam seperti kebersihan, pengangkutan, dan keselamatan
Pihak Berkuasa Air dan Tenaga	- Menguruskan bekalan air bersih dan bekalan tenaga bagi perkhidmatan awam di kawasan tadbiran PBT
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)	- Arahan, panduan, serta dana kepada PBT bagi memastikan dasar dan program yang dirancang sejajar dengan polisi nasional. Mereka juga menyelaraskan pelaksanaan pembangunan kawasan serta pengurusan perkhidmatan awam
Pihak Berkuasa Keselamatan (Polis dan Bomba)	- Memastikan keselamatan kawasan di bawah pentadbiran PBT. Ini termasuklah pengurusan kecemasan, keselamatan awam, dan pencegahan jenayah di kawasan bandar dan luar bandar
Media Tempatan	- Media berperanan menyampaikan maklumat berkaitan dasar, program, dan isu yang diuruskan oleh PBT kepada masyarakat. Media juga memainkan peranan penting dalam menggalakkan ketelusan dan akauntabiliti PBT melalui laporan dan liputan tentang aktiviti mereka
Institusi Pendidikan	- Sekolah, universiti, dan pusat latihan di kawasan pentadbiran PBT memainkan peranan dalam mendidik masyarakat tentang kesedaran sivik, kesihatan, dan kesejahteraan. Institusi pendidikan juga terlibat dalam kajian yang boleh memberi manfaat kepada PBT dalam merancang strategi pembangunan komuniti
Pelabur Hartanah dan Pemaju	- Pemaju hartanah dan pelabur memainkan peranan penting dalam pembangunan kawasan pentadbiran PBT. Mereka mungkin tidak terlibat dalam operasi harian PBT, tetapi keputusan PBT berkaitan pembangunan infrastruktur, perancangan bandar, dan pelesenan akan memberi kesan langsung kepada pelaburan dan pembangunan kawasan tersebut
Penyedia Infrastruktur Swasta	- Syarikat swasta yang menyediakan perkhidmatan penting seperti bekalan air, elektrik, telekomunikasi, dan infrastruktur awam lain adalah pihak berkepentingan tidak langsung yang bekerjasama dengan PBT untuk memastikan kemudahan yang cekap dan berfungsi untuk masyarakat
Syarikat Insurans dan Kewangan	- Pihak ini mungkin terlibat dalam menyokong projek-projek infrastruktur besar yang dijalankan oleh PBT. Keputusan mereka untuk memberi pinjaman atau menyediakan insurans terhadap risiko tertentu boleh memberi kesan kepada projek-projek pembangunan kawasan

Pelanggan - Pelanggan

Penduduk Setempat	-	Penduduk tempatan adalah pelanggan utama PBT. Mereka menggunakan perkhidmatan yang disediakan seperti pengurusan sampah, penyelenggaraan jalan raya, bekalan air bersih, serta kemudahan awam seperti taman, perpustakaan, dan pusat rekreasi
Perniagaan Tempatan	-	Perniagaan yang beroperasi dalam kawasan pentadbiran PBT bergantung kepada perkhidmatan seperti pelesenan, pengurusan kebersihan, keselamatan premis, dan pembangunan infrastruktur awam untuk perniagaan mereka
Pemaju Hartanah	-	Pemaju yang memohon lesen pembangunan, melaksanakan projek pembangunan di kawasan pentadbiran PBT, serta yang memerlukan perkhidmatan PBT seperti kelulusan pelan, pembahagian tanah, atau pembangunan infrastruktur kawasan perumahan dan komersial
Pekerja Awam PBT	-	Pekerja-pekerja yang bertugas di bawah pentadbiran PBT seperti pekerja kebersihan, pekerja teknikal, dan penyelenggara jalan raya juga merupakan pelanggan langsung. Mereka bergantung kepada polisi, kemudahan, dan faedah pekerjaan yang disediakan oleh PBT
Pelancong atau Pengunjung	-	Pelancong yang datang ke kawasan tadbiran PBT mungkin tidak menggunakan perkhidmatan secara langsung seperti penduduk, tetapi mereka memanfaatkan infrastruktur awam seperti taman, tempat rekreasi, jalan raya, dan tempat menarik yang diselenggarakan oleh PBT
Pelajar di Institusi Pendidikan	-	Pelajar yang menuntut di sekolah atau universiti dalam kawasan PBT mungkin tidak berurusan terus dengan PBT, tetapi mereka menggunakan perkhidmatan awam seperti pengangkutan, keselamatan, dan infrastruktur pendidikan yang disediakan oleh PBT
Pekerja di Syarikat Swasta	-	Pekerja yang bekerja di syarikat dalam kawasan PBT mungkin mendapat manfaat daripada perkhidmatan awam seperti penyelenggaraan jalan raya, kebersihan bandar, dan keselamatan awam walaupun mereka bukan pengguna langsung perkhidmatan PBT seperti penduduk tempatan
Organisasi Sukan dan Kebudayaan	-	Organisasi yang mengadakan acara sukan atau kebudayaan di kawasan PBT bergantung pada kemudahan awam seperti stadium, dewan komuniti, dan taman-taman yang dijaga oleh PBT. Walaupun mereka bukan pelanggan tetap, mereka terkesan secara positif dengan kemudahan yang tersedia
Komuniti Pelabur atau Pemilik Harta	-	Pelabur yang memiliki hartanah atau perniagaan di kawasan PBT mungkin tidak memanfaatkan perkhidmatan harian PBT, tetapi mereka bergantung kepada pembangunan infrastruktur yang dilaksanakan oleh PBT untuk meningkatkan nilai hartanah atau perniagaan mereka

Rakan-rakan Strategik

<p>Organisasi Bukan Kerajaan (NGO)</p>	<p>NGO yang fokus kepada kesejahteraan masyarakat, alam sekitar, dan isu sosial sering menjalin kerjasama dengan PBT dalam pelaksanaan program kebajikan, kempen kesedaran, dan projek pembangunan komuniti. Mereka membawa perspektif masyarakat dan meningkatkan penglibatan masyarakat dalam program-program PBT</p>
<p>Sektor Swasta</p>	<p>Syarikat swasta yang beroperasi dalam kawasan PBT sering terlibat dalam kerjasama strategik untuk menyokong inisiatif PBT, termasuk projek tanggungjawab sosial korporat (CSR), pembangunan infrastruktur, dan sumbangan kepada program komuniti</p>
<p>Institusi Pendidikan</p>	<p>Sekolah, universiti, dan institusi pendidikan lain boleh menjadi rakan strategik bagi PBT dalam pelaksanaan program pendidikan dan kesedaran awam, penyelidikan, serta penglibatan pelajar dalam aktiviti komuniti</p>
<p>Agensi Kerajaan</p>	<p>Merupakan rakan strategik utama bagi PBT dalam menyediakan panduan, sumber, dan sokongan kepada pelaksanaan dasar dan program yang berkaitan dengan perumahan, pembangunan bandar, dan pengurusan kerajaan tempatan</p>



ISU-ISU DAN CABARAN

Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) menghadapi pelbagai isu dan cabaran dengan pengurusan bandar dan kesejahteraan komuniti. Berikut adalah beberapa isu dan cabaran utama yang dihadapi oleh MBDK selaku Pihak Berkuasa Tempatan :



Faktor Dalaman



Kekuatan

- Sumber kewangan bertambah kukuh dan stabil
- Menjadi penanda aras kepada pihak luar
- Kerjasama antara jabatan dalaman yang bersinergi
- Akses kepada teknologi yang lebih mudah
- Sokongan penuh oleh pengurusan atasan yang dinamik



Isu dan Cabaran

- Persepsi negatif masyarakat terhadap Majlis yang sukar dihakis
- Kos pengurusan dan operasi yang semakin meningkat
- Dasar dan polisi yang sentiasa berubah-ubah
- Sebahagian sistem dalaman yang masih belum berintegrasikan antara satu sama lain
- Kecekapan kakitangan perlu ditingkatkan melalui latihan yang berkesan



Faktor Luaran



Peluang

- Imej Klang sebagai Bandaraya Diraja dan banyak peninggalan warisan.
- Kawasan pentadbiran yang luas dan strategik.
- Pelabuhan bertaraf antarabangsa yang membuka peluang pelaburan yang tinggi.
- Rangkaian pengangkutan yang baik dan berhubung dengan bandar-bandar utama.
- Kolaborasi dan perkongsian bersama agensi luar terutama pihak swasta adalah baik.



Cabaran dan Ancaman

- Ekspektasi pelanggan dan masyarakat yang terlalu tinggi terhadap perkhidmatan Majlis.
- Perubahan iklim yang membawa kesan kepada bencana alam seperti banjir, kebakaran.
- Warga asing yang membawa budaya luar yang bertentangan dengan budaya tempatan.
- Kesedaran bagi pemeliharaan alam sekitar dikalangan Masyarakat perlu ditingkatkan.
- Punca kuasa yang terhad (bidang kuasa yang berbeza antara agensi).





BAB 3

HALA TUJU STRATEGIK

VISI, MISI DAN NILAI-NILAI MURNI


Majlis Bandaraya Diraja Klang

VISI

Bandaraya Diraja Klang
Sejahtera dan Berdaya
Maju

MISI

Bandaraya Diraja Klang
yang berkualiti, mesra,
berdaya maju, sejahtera
dan memanfaatkan
teknologi digital.



Nilai-Nilai Murni (MBDK)

M	Mesra Pelanggan
B	Berdaya Maju – pelaksanaan projek dan perkhidmatan yang memacu kemajuan digitalisasi
D	Diraja & Warisan – mengekalkan elemen Diraja dan warisan
K	Kualiti – perkhidmatan bandar raya yang memenuhi kehendak pelanggan dan piawaian





BAB 4

STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN

TERAS-TERAS STRATEGI





TERAS 01

Tatakelola Cepak dan
Berintegriti

Teras 01

Tatakelola
Cekap dan
Berintegriti

Fokus kepada tadbir urus yang telus, cekap, dan berintegriti untuk memberikan perkhidmatan terbaik demi kesejahteraan rakyat Klang.

RS-1: Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan

Strategi strategi



Memperkasa
Sumber Manusia



Pengukuran
Kepuasan Pelanggan,
Pengiktirafan dan
Penghargaan



Pengurusan
Kewangan



Penguatkuasaan
Yang
Komprehensif dan
Berkesan

Teras 01

Tatakelola
Cekap dan
Berintegriti

STRATEGI

Memperkasa Sumber Manusia

Program		Indikator Sasaran (Kuantiti/ Kualiti)	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tahun/ Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggung Jawab
1.1.1	Meningkatkan kompetensi kakitangan di lapangan melalui latihan	Bilangan hari kursus yang dihadiri	Sekurang-kurangnya 5 hari latihan	Menghadiri latihan sebanyak 5 hari setahun	Jabatan Khidmat Pengurusan
1.1.2	Mewujudkan persekitaran tempat kerja yang lebih kondusif dan harmonis	Kajian kesejahteraan warga kerja	85% warga kerja berpuas hati dengan kemudahan dan fasiliti yang disediakan	1 kali setahun	Jabatan Khidmat Pengurusan
1.1.3	Meningkatkan keupayaan kakitangan melalui nilai-nilai bersama yang positif dan berintegriti	Bilangan penglibatan kakitangan	90% kakitangan hadir	Setiap latihan sepanjang tahun	Jabatan Khidmat Pengurusan
1.1.4	Meningkatkan prestasi pegawai melalui latihan kompetensi, berkongsi kepakaran dan pengetahuan (TOT)	Bilangan kakitangan yang terlibat menjadi tenaga pengajar	30 kakitangan menjadi tenaga pengajar dalam setahun	Sepanjang tahun	Jabatan Khidmat Pengurusan
1.1.5	Memantapkan hala tuju pengurusan sumber manusia	Kajian keberkesanan Pelan Strategi Sumber Manusia	2 kali kajian	2 kali dalam tempoh 5 tahun	Jabatan Khidmat Pengurusan

Program		Indikator Sasaran (Kuantiti/ Kualiti)	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tahun/ Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggung Jawab
1.1.6	Meningkatkan kompetensi pegawai dan kakitangan melalui peperiksaan yang relevan dan spesifik	Bilangan kakitangan yang lulus	Sekurang-kurangnya mencapai 70% markah lulus	Setiap 5 tahun	Jabatan Khidmat Pengurusan
1.1.7	Program mentorship atau coaching untuk pekerja muda bagi menggalakkan pemindahan pengetahuan daripada kakitangan berpengalaman.	Setiap jabatan melaksanakan program mentor mentee	Pencalonan mentor dan mentee	Dilaksanakan setiap tahun	Jabatan Khidmat Pengurusan
1.1.8	Pengiktirafan untuk kakitangan yang menunjukkan prestasi cemerlang.	Penganjuran Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang selaras Pekeliling MyPPSM	8% daripada jumlah pegawai yang sedang berkhidmat pada 31 Disember tahun penilaian	Setiap tahun	Jabatan Khidmat Pengurusan/ Semua Jabatan
1.1.9	Mengoptimalkan sumber- sumber dalaman Majlis	Penyediaan Deskripsi Tugas (Job Description) kepada pegawai dan kakitangan mengikut Surat Kelulusan Perjawatan (SKP) yang diluluskan	100% Deskripsi Tugas disediakan	Setahun	Semua Jabatan
1.1.10	Program train a trainer/ leader	Semua pegawai A	100%	3 tahun	Jabatan Khidmat Pengurusan /
1.1.11	Program penerapan perkhidmatan MBDK kepada semua kakitangan	Semua kakitangan	20% kakitangan setahun	6 tahun	
1.1.12	Naziran Perjawatan	Kekerapan semakan waran penjawatan	5 tahun sekali	Setiap 5 tahun	Jabatan Khidmat Pengurusan
1.2 Pengukuran Kepuasan Pelanggan, Pengiktirafan dan Penghargaan.					
1.2.1	Pengukuhan Integriti dan akauntabiliti	Semakan pengiktirafan pensijilan sistem pengurusan anti rasuah (ABMS) ISO 37001:2016	Pensijilan semula	Setiap 3 tahun	Unit Integriti / Jabatan Komunikasi Korporat
		Kekerapan semakan pelan OACS/CRM bagi pengukuhan governance integriti dan rasuah	Laporan Pemantauan	Sekali setahun	Unit Integriti
		Memorandum Persefahaman Program Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD)	Perjanjian semula	Setiap 3 tahun	Unit Integriti / Jabatan Komunikasi Korporat
1.2.2	Sistem Pengurusan Kualiti	Pembaharuan pensijilan setiap 3 tahun	Pensijilan semula	Setiap 3 tahun	Unit Integriti / Jabatan Komunikasi Korporat

Program		Indikator Sasaran (Kuantiti/ Kualiti)	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tahun/ Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggung Jawab
1.2.3	Pengurusan prestasi	Pengiktirafan Sistem penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT)	Sekurang-kurangnya 90%	2 tahun sekali	Jabatan Komunikasi Korporat
		Pengiktirafan Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC)	Sekurang-kurangnya 90%	2 tahun sekali	Jabatan Komunikasi Korporat
		Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)	Mendapat Pensijilan	2 tahun sekali	Jabatan Komunikasi Korporat/ Semua Jabatan
		Pencapaian Piagam Pelanggan mengikut jabatan	Purata markah keseluruhan sekurang-kurangnya 85%	Setiap Tahun	Jabatan Komunikasi Korporat/ Semua Jabatan
1.2.4	Menerapkan budaya inovasi dalam kalangan warga kerja	Menubuhkan Kumpulan KIK/ projek inovasi	1-4 kumpulan KIK/projek inovasi	Setiap Tahun	Jabatan Komunikasi Korporat/ Semua Jabatan
1.3 Pengurusan Kewangan					
1.3.1	Mempelbagaikan sumber pendapatan untuk mengurangkan risiko tumpuan sumber hasil	Mengenalpasti hasil-hasil baru	RM3 juta peningkatan hasil baru	Sepanjang tempoh 5 tahun	Semua Jabatan
1.3.2	Meningkatkan rizab Majlis	Perbandingan hasil berbanding perbelanjaan	Mencapai lebih pendapatan setiap tahun	Setiap Tahun	Jabatan Kewangan
1.3.3	Mengurus prestasi dan akauntabiliti dari segi perancangan kewangan	Laporan penilaian prestasi perolehan jabatan secara berkala	4 bulan sekali	Setiap Tahun	Jabatan Kewangan / Bahagian Ukur Bahan
1.3.4	Penilaian pengurusan prestasi kewangan	Sijil Bersih	Mendapat Sijil Bersih setiap tahun	Setiap Tahun	Jabatan Kewangan
1.4 Penguatkuasaan Yang Komprehensif dan Berkesan.					
1.4.1	Melaksanakan semakan undang-undang dan pindaan undang-undang secara berkala.	Bilangan perundangan untuk semakan	2 perundangan setahun	Setahun	Jabatan Undang-Undang / Semua Jabatan

STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN

Program		Indikator Sasaran (Kuantiti/ Kualiti)	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tahun/ Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggung Jawab
1.4.2	Tindakan secara menyeluruh dalam teras perkhidmatan perbandaran seperti pemeriksaan premis melalui pasukan khas tindakan gunasama-JFORCE. a. Tiga (3) teras perkhidmatan: i. Kawalan Pelesenan & Penguatkuasaan ii. Kawalan Perniagaan; dan iii. Kawalan Pembangunan	Siri pelaksanaan Pasukan Khas JForce	3 kali setahun	6 tahun	Jabatan Penguatkuasa/ Undang-Undang/ Pelesenan/ Kesihatan/ Perkhidmatan Persekitaran/ Perancang Bandar/ Bangunan/ Kejuruteraan
1.4.3	Pemantauan premis perniagaan	Terutama 11 premis berisiko. 1. Rumah Urut/ Refleksologi 2. Pusat Hiburan 3. Barang Luluh (Besi Buruk/ Kereta Potong) 4. Cuci Kereta 5. Kenderaan Terpakai (Used Car) 6. Hotel Bajet 7. Pusat Kecantikan 8. Tempat Letak Kereta Persendirian 9. Menjual Minuman Keras 10. Kitar Semula (Plastik) 11. Pusat Snuker.	10,000 premis 5,000 kompaun 800 sitaan	Setiap Tahun	Jabatan Penguatkuasa/ Pelesenan/ Kesihatan/ Perkhidmatan Persekitaran
1.4.4	Pelaksanaan Operasi Bersepadu bersama agensi penguatkuasaan yang lain	48 kali setahun melibatkan pelbagai agensi dan isu berkaitan: 1. Warga asing 2. Kenderaan berat 3. Hiburan 4. Barang luhuh/ besi buruk/ kereta potong 5. Pencerobohan tanah Kerajaan 6. Salah guna Lesen Pendudukan Sementara.	Sebulan sekali	Setiap tahun	Jabatan Penguatkuasa/ Pelesenan/ Perancang Bandar/ Bangunan/ Kejuruteraan



TERAS 02

Perancangan
